

SOAL JAWAB WANG ATAU HARTA TIDAK PATUH SYARIAH

1) Apakah yang dimaksudkan dengan wang tidak patuh syariah?

Jawapan: Sebarang bentuk pendapatan atau harta yang diperoleh melalui sumber atau dengan cara yang tidak mematuhi syariah sebagaimana Fatwa Mengenai Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Perak pada 25 September 2014.

2) Apakah contoh harta perolehan atau wang tidak patuh syariah?

Jawapan:

- i. Pendapatan daripada penipuan, rasuah, penyeludupan dan manipulasi pasaran.
- ii. Keuntungan daripada jual beli barangan haram seperti arak dan dadah
- iii. Perolehan daripada judi atau pertaruhan
- iv. Pelaburan dalam syarikat yang tidak mematuhi prinsip syariah
- v. Pendapatan daripada riba (faedah hutang piutang)
- vi. Faedah simpanan insurans konvensional
- vii. Dividen KWSP konvensional (selepas diperkenalkan KWSP patuh syariah mulai Januari 2017)
- viii. Gaji atau pendapatan melalui kerja yang dilakukan secara menipu atau tanpa amanah seperti membuat tuntutan palsu atau bekerja kurang daripada waktu yang ditetapkan.

3) Apakah tindakan yang perlu diambil apabila menyedari pendapatan tidak patuh syariah?

Jawapan: Syarikat/Individu hendaklah segera bertaubat, henti mengambil/menggunakan sumber pendapatan tersebut, pisahkan bahagian yang tidak patuh syariah dan melupuskannya melalui cara berikut:-

- i. Menyerahkan kepada Baitulmal (MAIPK) dan akan diurus bagi keperluan dan kepentingan umum.
- ii. Jika harta tersebut harta curi dan seumpamanya, hendaklah diserahkan semula kepada pemiliknya, jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada warisnya. Sekiranya tidak diketahui pemilik atau waris pemilik, hendaklah diserahkan kepada pihak Baitulmal.

4) Bagaimanakah wang tidak patuh syariah diurus oleh MAIPK?

Jawapan: MAIPK berfungsi sebagai pemegang amanah kepada harta tidak patuh syariah. Harta tersebut dibelanjakan untuk kepentingan masyarakat secara umum seperti pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, tandas, jalan dan seumpamanya.

5) Bagaimanakah cara untuk menyalurkan harta tidak patuh syariah kepada Baitulmal?

Jawapan: Harta tidak patuh syariah boleh disalurkan kepada Baitulmal melalui pejabat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) di seluruh daerah dalam negeri Perak.